

1. Tukang kayu itu menggunakan sekeping _____ untuk melicinkan permukaan pap

- ☐ A kertas putih
- ☐ B kertas kerja
- ☐ C kertas pasir
- ☐ D kertas minyak

2. Sindiket yang menjual cakera padat cetak rompak di _____ itu berjaya ditumpaskan oleh pihak berkuasa.

- ☐ A jagat raya
- ☐ B duit minyak
- ☐ C pasar gelap
- ☐ D gulung tikar

3. Pihak kerajaan akan _____ kawasan yang sesuai untuk dijadikan tapak universiti itu.

- ☐ A mengawal selia
- ☐ B mengenal pasti
- ☐ C menyusun atur
- ☐ D mereka letak

4. Saintis itu sedang membuat persiapan untuk sesi _____ bersama-sama dengan sebuah stesen televisyen terkenal.

- ☐ A janji temu
- ☐ B ulang kaji
- ☐ C temu duga
- ☐ D temu ramah

5. Budin _____ dari rumah itu setelah bertengkar dengan abangnya kerana dia enggan meninggalkan perangai buruknya.

- ☐ A ganti tikar
- ☐ B angkat kaki
- ☐ C mandi peluh
- ☐ D angkat muka

6. Azhar menghasilkan barangan kraf tangan yang cantik itu dengan menggunakan _____ terpakai.

- ☐ A tin kosong
- ☐ B daun pokok
- ☐ C getah keping
- ☐ D minyak masak

7. Abang membawa _____ daripada pihak sekolah untuk dibawa ke klinik bagi mendapatkan rawatan.

- ☐ A surat kuasa
- ☐ B surat akuan
- ☐ C surat khabar
- ☐ D surat perjanjian

8. Murid itu dipuji kerana menghasilkan _____ yang unik dan berseni.

- ☐ A titik peluh
- ☐ B buah hati
- ☐ C buah tangan
- ☐ D bekas tangan



9. Fadlul digelar _____ guru kelasnya kerana dia sangat disayangi oleh sebab kecemerlangannya dalam pelajaran.

- ☐ A puteri lilin
- ☐ B anak emas
- ☐ C bidan terjun
- ☐ D tulang belakang

10. Syarikat pembinaan itu terpaksa _____ kerana mengalami masalah kewangan yang teruk.

- ☐ A curi tulang
- ☐ B cuci tangan
- ☐ C gulung tikar
- ☐ D gantung kemudi

11. Kemalangan antara dua buah kereta dengan sebuah motosikal itu menyebabkan _____ di Jalan Ipoh sesak teruk.

- ☐ A lalu lintas
- ☐ B jalan buntu
- ☐ C sekatan jalan
- ☐ D lintas langsung

12. Mariam sebak apabila membaca _____ yang sarat dengan nilai dan pengajaran itu.

- ☐ A buku cerita
- ☐ B buku latihan
- ☐ C buku rujukan
- ☐ D buku laporan

13. Penggunaan _____ yang berlebihan dalam penanaman sayur-sayuran akan memudaratkan pengguna.

- ☐ A racun serangga
- ☐ B zat makanan
- ☐ C baja organik
- ☐ D tanah liat

14. Semangat _____ amat penting dalam persahabatan agar hubungan itu bertambah erat.

- ☐ A pandu uji
- ☐ B daya cipta
- ☐ C tahan lama
- ☐ D setia kawan

15. Kakak mengutip sampah di atas lantai lalu membuangnya ke dalam _____.

- ☐ A pagar duri
- ☐ B bakul buah
- ☐ C beg tangan
- ☐ D tong sampah

16. Guru besar menegaskan bahawa program Pendidikan Kesihatan merupakan acara yang penting dalam _____.

- ☐ A isu semasa
- ☐ B berita terkini
- ☐ C warta harian
- ☐ D takwim sekolah

17. Arkitek itu diberi masa selama sebulan untuk menyiapkan _____ bangunan tersebut.

- ☐ A reka letak
- ☐ B reka grafik
- ☐ C reka corak
- ☐ D reka bentuk

18. Kita hendaklah menjaga keamanan di kawasan perumahan demi ketenteraman _____.

- ☐ A jiran tetangga
- ☐ B sanak saudara
- ☐ C sahabat handai
- ☐ D masyarakat majmuk

19. Abang Faiz bercita-cita untuk menjadi _____ yang berjaya dan mempunyai firma guamannya sendiri setelah menamatkan pengajiannya di universiti nanti.

- ☐ A doktor gigi
- ☐ B guru tadika
- ☐ C guru sekolah
- ☐ D peguam bela

20. _____ perlu dihantar terlebih dahulu sebelum projek itu dilaksanakan.

- ☐ A Inti sari
- ☐ B Daya cipta
- ☐ C Kertas kerja
- ☐ D Reka bentuk